**KOTA KINABALU -** Pindaan terhadap Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965, antara lain bagi membolehkan FAMA mengurus pemasaran produk ternakan, akan dibawa ke Parlimen, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, pindaan itu akan membuka skop lebih luas dalam peranan FAMA memasarkan produk pertanian dan ternakan, selain membantu penternak dan usahawan tani memasarkan produk mereka dengan cara yang lebih berkesan.

Katanya, FAMA mengambil peranan untuk turut mengedarkan produk ternakan serta menstabilkan rantaian bekalan produk berkenaan bagi memastikan bekalan ternakan sentiasa berada dalam pasaran serta rantaian bekalannya tidak terganggu.

"Sekarang FAMA hanya terlibat (pemasaran) produk agromakanan bukan ternakan, ini (cadangan pindaan) akan diolah oleh kementerian (Pertanian dan Industri Makanan) sebelum diangkat ke sidang Parlimen yang terdekat.

"Ini juga memberikan penternak dan usahawan tani akses pemasaran yang lebih luas malah sehingga luar negara selain mewujudkan sistem rantaian pemasaran yang lebih baik dan teratur," katanya kepada pemberita selepas melawat Kompleks Pemasaran FAMA Sabah di sini pada Sabtu.

Pada majlis sama, beliau turut menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 250 usahawan pasar tani, industri makanan dan gerai buah-buahan segar FAMA yang terkesan akibat penularan Covid-19.

Sementara itu, Ronald berkata, Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah yang merupakan sebahagian daripada pelan Kompleks Pemasaran FAMA Sabah kini sedang dibina dengan kos RM5 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi dan dijangka siap pada Ogos tahun depan.

Beliau berkata, pusat itu secara khususnya akan memberi kemudahan dan persediaan kepada golongan sasar terutama usahawan tani di samping membantu mereka memasarkan hasil pertanian bagi mengelakkan daripada berlaku lebihan atau lambakan hasil pertanian.

"Pusat ini mampu memproses 1,500 tan metrik durian, 288 tan metrik kelapa, 240 tan metrik nenas MD2 menjelang 2025 bagi pasaran tempatan dan eksport, selain berperanan memproses buah-buahan produk sejuk beku," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# MAFI pinda akta perluas fungsi FAMA

## Pindaan beri kuasa agensi edar, pasar komoditi ternakan

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bakal membuat pindaan pada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965 (Akta 141) untuk memberikan kuasa kepada agensi itu mengedar dan memasarkan komoditi ternakan dalam pasaran negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pindaan itu akan dibawa ke sidang Parlimen bagi memperluaskan skop fungsi FAMA terhadap pemasaran komoditi dan produk ternakan menerusi rantaian pemasarannya.

"Buat masa ini, Akta 141 mempunyai bidang kuasa terhad yang mana tafsiran hasil pertanian dalam seksyen 1A hanya memperuntukkan keluaran pertanian tertentu dan tidak termasuk komoditi ternakan.

"FAMA akan mengambil peranan untuk turut mengedarkan komoditi ternakan serta menstabilkan rantaian bekalan bagi memastikan bekalan sentiasa berada di dalam pasaran serta rantaian bekalannya tidak terganggu.

"Ketika ini tiada agensi khusus yang menjalankan aktiviti pemasaran ternakan," katanya pada sidang media selepas meninjau pelaksanaan kerja membina Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah dan Penyampaian Sumbangan MAFI Prihatin di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah, Ronald berkata, fasiliti terbabit dijangka siap pada Ogos tahun depan yang dibina menerusi Pelan Perancangan Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA (KKIP) 2021-2025.

Katanya, pembinaannya menggunakan bajet Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM5 juta.

"Pusat ini dijangka mampu memproses 1,500 tan durian, 288 tan kelapa, 240 tan nanas MD2, 960 tan sayuran kobis menjelang tahun 2025 bagi pasaran tempatan dan eksport," katanya.

> "Ketika ini tiada agensi khusus yang menjalankan aktiviti pemasaran ternakan"



*Dr Ronald Kiandee,*
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | NST | NEWS/NATION | 8 |




*Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (centre) handing over Prihatin assistance from the ministry to a man at the Fama Marketing Complex in Kota Kinabalu, yesterday.* PIC BY MOHD ADAM ARININ

**MARKETING LIVESTOCK PRODUCTS**

# Amendments to law will give Fama bigger role, says Kiandee

**KOTA KINABALU:** Amendments to the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Act 1965, which include enabling Fama to manage the marketing of livestock products, will be tabled in Parliament, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the amendment would give Fama a bigger role in marketing agricultural and livestock products, besides helping farmers and agro-entrepreneurs to market their products in a more effective manner.

He said Fama took on the role to also distribute livestock products as well as stabilise the supply chain of the products to ensure that a steady supply of livestock was available in the market.

"Currently, Fama is only involved in (marketing) agro-food products and not livestock.

"This (proposed amendment) will be processed by the ministry before being taken to the soonest parliamentary session.

"This also gives farmers and agro-entrepreneurs wider marketing access, even to overseas (markets), besides creating a better and more organised marketing chain system," he told reporters after visiting the Fama Marketing Complex, here, yesterday.

At the same ceremony, Kiandee handed over Mafi Prihatin assistance to 250 pasar tani, food industry and Fama fresh fruit stalls entrepreneurs who were affected by the Covid-19 outbreak.

Meanwhile, the minister said the Sabah fruit processing centre, which is part of the Sabah Fama Marketing Complex plan, was being built at a cost of RM5 million through the economic stimulus package and was expected to be completed next August.

He said the centre would provide facilities to, and make arrangements for, the target group, especially farmers, as well as help them market agricultural products to avoid surplus or dumping of their stock.

"The centre is capable of processing 1,500 tonnes of durian, 288 tonnes of coconut, 240 tonnes of MD2 pineapple and 960 tonnes of cabbage by 2025 for the local and export markets.

"It can also process fruits as frozen products and minimally processed products," he added. **Bernama**

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A18 PRINTED SIZE: 152.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,912.00 ITEM ID: MY0044782888

08 AUG, 2021

# Agriculture Ministry donates necessities to frontline

Nanyang Siang Pau, Malaysia






## 农业部物资捐前线

把爱心送到抗疫前线！

农业及食品工业部第二副部长拿督车阿都拉（中）展示农业部的物资捐献，以赠送给布城斯里瑟罗加礼堂疫苗接种中心的前线工作人员

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A18 PRINTED SIZE: 152.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,912.00 ITEM ID: MY0044782888



08 AUG, 2021

# Agriculture Ministry donates necessities to frontline

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## SUMMARIES

农业部物资捐前线 把爱心送到抗疫前线！农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉（ 中 ）展示农业部的物资捐献，以赠送给布城斯里瑟罗加礼堂疫苗接种中心的前线工作人员。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | BERITA NASIONAL | TV1 | |

## MAFI LKIM 130 PPV OFFICERS RECEIVED FOOD BASKETS



AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A3 PRINTED SIZE: 181.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,371.00 ITEM ID: MY0044783771



08 AUG, 2021

# Ministerof Agriculture: Will seek amendments to the law to expand marketing of livestock products

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## 农长：将要求修法
# 扩大畜牧产品行销

（亚庇7日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪披露，该部将在国会要求通过联邦农业市场销售局法令修正法案，让该局能够营销畜牧产品。

他说，有关法令条例的修订将扩大该局在农业与畜牧产品的行销，也帮助畜牧业者及涉农企业更有效促销他们的产品。

他说，该局扮演着行销畜牧产品的角色，协助稳定产品供应链，以确保市场上有足够的畜牧产品供应。

他说，目前该局只涉及销售非畜牧的农基食品，由该部提出修改法令的建议将于近期内提呈给国会。

"通过更好及更有系统的市场营销体系，帮助畜牧业者及涉农企业拓展国内外市场。"

## 500万建沙水果加工中心

他是在一项给受疫情影响农商的援助金移交仪式上发表上述谈话。

他还说，在振兴经济计划配套下斥资500万令吉兴建的沙巴水果加工中心，将于明年8月建竣，该计划也是沙巴联邦农业销售局大厦计划的部分。

"该中心于2025年加工产量包括：1500吨榴梿、288公吨椰子、240公吨MD2种黄梨、960公吨包菜，以供内销及出口市场需要。"

"该中心还进行冷冻水果加工及果汁饮料加工。"

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A3 PRINTED SIZE: 181.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,371.00 ITEM ID: MY0044783771



08 AUG, 2021

# Ministerof Agriculture: Will seek amendments to the law to expand marketing of livestock products

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## SUMMARIES

农长：将要求修法 扩大畜牧产品行销(亚庇7 日讯） 农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪披露，
该部将在国会要求通过联邦农业市场销售局法令修正法案，让该局能够营销畜牧产品。他说，
有关法令条例的修订将扩大该局在农业与畜牧产品的行销，也帮助畜牧业者及涉农企业更有效促销他们的产品。他说，
该局扮演着行销畜牧产品的角色，协助稳定产品供应链，以确保市场上有足够的畜牧产品供应。他说，目前该局只涉及

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | SINAR AHAD | NASIONAL | 27 |

# MAFI sumbang 130 bakul makanan

## Hargai peranan dan sumbangan petugas barisan hadapan

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

FOTO: HALIM WAHID



Che Abdullah (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Ketua PPV Dewan Seri Seroja, Putrajaya, Dr Ahmad Ridzuan pada Sabtu.



Che Abdullah (dua dari kiri) hadir di PPV Dewan Seri Seroja, Putrajaya untuk lawatan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada petugas barisan hadapan.

**PUTRAJAYA**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada Sabtu menyumbang sebanyak 130 bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Seri Seroja, di sini pada Sabtu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, selain bakul makanan, sebanyak 260 paket ikan segar beku QFISH disumbangkan oleh agensi di bawah MAFI iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menurutnya, sumbangan yang diberikan itu di bawah Program MAFI Prihatin.

"Aktiviti seumpama ini merupakan aktiviti berterusan di MAFI dalam memberikan sokongan kepada petugas barisan hadapan dan juga keseluruhan rakyat," katanya pada sidang akhbar di PPV Dewan Seri Seroja.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha MAFI (Pembangunan), Datuk Badrul Hisham Mohd dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Kusuadi Sallih.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, sumbangan bakul makanan dan ikan segar beku itu dianggarkan berjumlah RM10,000.

"Diharap sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban ekonomi dan memberi kemudahan kepada petugas barisan hadapan untuk mendapatkan bekalan makanan dan sumber protein secukupnya," katanya.

Beliau menambah, sumbangan itu turut diberikan di seluruh negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/8/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |



*Jambu batu dibawa masuk tanpa permit dirampas di ICQS Bukit Kayu Hitam, Rabu lalu.*
(Foto ihsan MAQIS)

# MAQIS rampas 174kg jambu batu dari Thailand

**Alor Setar:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk 174 kilogram (kg) jambu batu dari Thailand tanpa sijil perakuan sah.

Jambu batu dijadikan jeruk berwarna merah dan hijau itu dirampas menerusi penahanan sebuah lori dari Thailand di Kompleks Imigresen Kastam Kuarantin (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada jam 6.30 petang, Rabu lalu.

Jurucakap MAQIS Kedah berkata, pemeriksaan rutin pegawai penguat kuasa mendapati jambu batu bernilai RM263 itu tidak mematuhi Sijil Perakuan Pematuhan (CoC).

Katanya, jambu itu dibawa masuk bersama produk pertanian lain seperti mangga dan sayur yang mempunyai permit import serta sijil berkaitan yang sah.

"Tindakan itu dibuat bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Perbuatan mengimport tanpa CoC adalah kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali bawah Seksyen 11(3) akta yang sama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan di pintu masuk sempadan bagi memantau keluaran produk pertanian yang diimport ke dalam negara supaya pengimport mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Katanya, langkah itu diambil bagi memastikan kawalan penyakit serta jaminan keselamatan makanan terpelihara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Musnah 2,000 pokok timun kerana harga menjunam

**Bera:** Kejatuhan harga timun ketika ini menyebabkan seorang pekebun di sini, Mohd Azizol Warman, 37, bertindak memusnahkan 2,000 pokok tanaman itu yang sedang mengeluarkan hasil.

Mohd Azizol yang menanam timun secara fertigasi membuat tindakan nekad itu apabila harga timun di ladang dijual pada harga 30 sen satu kilogram (kg) bagi gred A.

"Disebabkan harga timun terlalu rendah memaksa saya memusnahkan 2,000 pokok di kebun terletak di FELDA Kumai yang sedang banyak mengeluarkan hasil.

"Dengan harga jualan pada peringkat ladang cuma 30 sen sekilo bagi gred A, tidak mungkin saya dapat meneruskan projek fertigasi yang memerlukan perbelanjaan besar, terutama menyediakan baja setiap hari.

"Saya lebih rela musnahkan pokok daripada terus menanggung kerugian yang kini mencecah RM20,000," katanya kepada BH, semalam.

Mohd Azizol mengusahakan tanaman sayuran termasuk timun sejak lapan tahun lalu menggunakan kaedah fertigasi.

Beliau berkata, cabaran dalam sektor pertanian terutama tanaman sayuran ialah kejatuhan harga yang terlalu rendah disebabkan permintaan berkurang.

"Perintah kawalan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilaksanakan kerajaan ternyata memburukkan lagi keadaan apabila banyak pasar borong utama dan premis menjual sayur tidak dapat beroperasi bagi tempoh panjang," katanya.

Mohd Azizol berkata, sepanjang tempoh perintah kawalan PPN, beliau mengalami dua kali kejatuhan harga timun jatuh mengakibatkan dia menanggung kerugian lebih RM40,000.

"Bagi mengelak pembaziran, saya mengambil keputusan untuk sedekah lebih dua tan timun yang dipetik kepada penduduk setempat.

"Ramai juga penduduk datang ke kebun mengambil timun yang dipetik, sebelum saya lupuskan pokok," katanya.

Beliau berkata, tanaman timun menggunakan kaedah fertigasi memerlukan modal agak besar, terutama membabitkan penggunaan baja dan racun serangga.

"Apabila harga pasaran rendah bermakna pekebun akan menanggung kerugian. Hampir semua jenis sayuran berhadapan cabaran kejatuhan harga, namun tidak seteruk berlaku pada timun hingga mencecah 30 sen sekilo.

"Saya hanya mampu berdoa harga timun naik semula dalam tempoh terdekat kerana dua lagi kebun di FELDA Sebertak dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tebing Tinggi akan mengeluarkan hasil tidak lama lagi.

"Ada 6,000 pokok timun di dua projek itu dan saya kini hanya bergantung kepada hasil jualan petola, peria dan terung dengan harga pasaran antara RM3 hingga RM4.50 sekilo," katanya.



*Mohd Azizol memungut timun sebelum memusnahkan 2,000 pokok disebabkan harga pasaran terlalu rendah.* (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | METRO AHAD | XPRESI | 36 |

AGRO

**Teks dan foto Hassan Omar**
rencana@hmetro.com.my



# KOLONG JADI KEBUN CENDAWAN

**Bekas penganjur program mampu hasilkan pengeluaran antara 10 hingga 15kg sehari**

**Kehilangan** sumber pendapatan sebagai penganjur program tidak melemahkan semangat Farid Imran, 51, untuk menceburi sektor penghasilan cendawan tiram kelabu.

Tanpa pengalaman sebaliknya berbekalkan semangat perjuangan yang kental, dia terjun ke sektor berkenaan dengan modal terhad.

Apa yang menarik, Farid menjadikan ruang bawah rumah atau kolong sebagai kawasan untuk menghasilkan produk pertanian itu sejak April lalu.

"Saya memikirkan apa bidang yang boleh menjana pendapatan tanpa perlu bergerak jauh dari rumah dan kemudian mendapat idea untuk menghasilkan cendawan kolong.

"Berbekalkan modal kira-kira RM6,000, saya mendapatkan besi 'T Section' yang tahan karat sebelum memasangnya menjadi rak dan membeli bongkah cendawan RM2.50 seunit," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tanah Merah Jaya, Tanjung Kling, Melaka baru-baru ini.

Bapa kepada enam anak berusia antara 14 hingga 26 tahun itu berkata, sebagai permulaan, dia mendapatkan 1,000 bongkah daripada pembekal dan menambahnya dari semasa ke semasa sebelum mencapai jumlah maksimum 4,000 bongkah pada hari ini.

Bongkah berkenaan sudah matang dan mampu menghasilkan cendawan pada usia antara 45 hingga 60 hari, tetapi memerlukan suhu yang tidak terlalu rendah atau tinggi.

Dengan keadaan persekitaran kolong yang bersuhu rendah, Farid turut memasang jaring hitam di sekeliling kawasan itu bagi memastikan cendawan dapat membesar dengan sempurna.

"Alhamdulillah, saya dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu membina bangsal khas untuk cendawan.

"Keadaan di bawah rumah juga sudah sedia sejuk membolehkan cendawan membesar dengan baik," katanya.

Dalam pada itu, rutin Farid setiap pagi ialah menyiram air pada jaring hitam berkenaan dan sesekali membasahkan lantai simen kolong bagi memastikan persekitaran kekal bersuhu rendah.

Kata Farid, setiap



**PRODUK** *cendawan tiram kelabunya dipasarkan dengan jenama 'cendawan kolong.'*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | METRO AHAD | XPRESI | 37 |



CENDAWAN tiram kelabu mampu jana pendapatan bulanan.



FARID memulakan tanaman penghasilan cendawan tiram kelabu di bawah rumahnya.



CENDAWAN segar dihasilkan di bawah rumah Farid.



PENGELUARAN harian cendawan yang diusahakan Farid antara 10 hingga 15kg.

> Alhamdulillah, saya dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu membina bangsal khas untuk cendawan. Keadaan di bawah rumah juga sudah sedia sejuk membolehkan cendawan membesar dengan baik
>
> **FARID**

kali selepas memetik cendawan, 'mulut' bongkah perlu ditutup semula sebagai langkah merehatkan tumbesaran cendawan.

Ia sekali gus membolehkan benih bertunas semula sebelum penutup dibuka selepas seminggu.

Menerusi kapasiti pengeluaran harian antara 10 hingga 15 kilogram (kg), Farid dapat memasarkan cendawan seberat 170 gram (g) pada harga RM3 manakala yang 500g (RM7) dan sekilogram (antara RM12 hingga RM15).

Ia membolehkan Farid memperoleh pendapatan bulanan yang memuaskan iaitu antara RM2,000 hingga RM3,000.

"Selepas berhempas-pulas mencari jalan untuk mendapatkan rezeki, Allah dorongkan saya untuk mencuba bidang pertanian cendawan ini.

"Saya bersyukur kerana siapa sangka, cendawan yang ditanam di bawah kolong rumah ini memberi pulangan yang berbaloi untuk kami sekeluarga," katanya.

# Tanaman sesuai ketika cuaca panas

Cuaca panas saat paling mencabar bagi petani mahupun mereka yang menjadikan berkebun sebagai hobi.

Bagaimanapun, terdapat beberapa jenis tanaman yang sesuai ditanam ketika cuaca panas.

Antaranya tomato, timun, petola, kacang panjang, lobak merah dan terung.

Batang pokok tomato yang menyimpan air mudah dijangkiti penyakit jika ia sentiasa basah.

Oleh itu, tomato antara tanaman sesuai ditanam ketika panas dan siraman perlu juga dilakukan bagi mengelak batang pokok yang menyimpan air menjadi kering.

Tanaman jenis memanjat, timun pula mudah hidup dan sesuai ditanam di mana sahaja.

Ia tidak memerlukan air yang banyak untuk tumbuh dan berbuah lebat, memadai hanya sekali siraman sahaja sehari.

Seperti timun, petola juga tidak memerlukan air yang banyak selain sesuai ditanam ketika musim panas.

Daun dan batangnya yang berbulu menyimpan kelembapan yang diperlukan meskipun ketika cuaca panas terik.

Begitu juga dengan terung, daunnya yang berbulu berupaya menyimpan air dan kekal segar dalam cuaca panas. Terung berbuah lebat ketika musim panas.

FOTO I SUMBER GOOGLE



TERUNG berbuah lebat ketika musim panas.



TIMUN hanya memerlukan siraman sekali sahaja sehari.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2021 | METRO AHAD | COVID-19 | 10 |





NUR Uzzma Qistieena (kiri) dan adiknya, Nur Uzzma Qamarieena kini menjaga lebih 30 ekor kucing jalanan.

# PENYELAMAT KUCING PKP

## *Dua beradik berbakti sedia makanan, hantar si bulus terbiar ke pusat perlindungan haiwan*

**Oleh Mohd Rafi Mamat**
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

Keprihatinan yang begitu menebal mendorong dua beradik terbabit sebagai sukarelawan bagi membela nasib kucing jalanan yang kini semakin bertambah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Selain menyediakan makanan secara berjadual, si bulus yang mengalami masalah kesihatan dan kecederaan diberi rawatan serta ditempatkan di pusat perlindungan.

Menurut Nur Uzzma Qistieena Mohd Farid, 25, dia dan adiknya, Nur Uzzma Qamarieena, 21, mula terbabit secara serius dengan aktiviti membela nasib kucing jalanan di daerah ini sejak tiga tahun lalu.

Pada peringkat awal pembabitan mereka hanya membantu ibu, Jurina Abdul Rani, 49, yang juga pengerusi Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang (SKJP) menjalankan aktiviti memantau dan memberi makan kepada kucing jalanan di beberapa tempat di daerah ini.

Katanya, bermula dari situ terbit perasaan ingin membela nasib haiwan jalanan terutama apabila kini semakin bertambah dua hingga tiga kali ganda selepas pelaksanaan PKP sejak tahun lalu.

"Cabaran utama saya di peringkat awal ialah melawan alahan terhadap kucing, sebelum ini saya bukan sahaja tidak boleh memegang kucing, tetapi melihat saja haiwan itu menyebabkan muka menjadi bengkak, selesema, gatal badan dan mata.

"Namun, kerana kasihan melihat kucing jalanan saya kuatkan semangat untuk melawan alahan itu, alhamdulillah selepas lebih setahun berhadapan pelbagai cabaran akhirnya saya kini tidak lagi berhadapan masalah alahan yang serius," kata anak sulung daripada lima beradik itu.

> "Saya kini memiliki kira-kira 30 ekor kucing jalanan"
> Nur Uzzma Qistieena

Nur Uzzma Qistieena berkata, pengalaman menyelamatkan kucing yang dilanggar kenderaan dua tahun lalu antara kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan, haiwan berkenaan mengalami kecederaan serius pada bahagian kepala hingga menyebabkan satu matanya hampir keluar.

"Saya dan adik merawatnya selama beberapa bulan hingga keadaannya kini pulih sepenuhnya walaupun kesan kecederaannya masih ada hingga kini.

"Saya kini memiliki kira-kira 30 ekor kucing jalanan yang ditempatkan di premis haiwan kesayangan Rabeena Pink Pets Planet di Indera Mahkota Tiga yang menyediakan pelbagai jenis makanan dan barangan serta perkhidmatan lain untuk kucing," katanya.

Bagi Nur Uzzma Qamarieena, hampir setiap minggu dia dan kakak menghantar makanan kepada kucing jalanan di beberapa kawasan di daerah ini seperti di Teluk Cempedak, pusat perniagaan Jaya Gading, Taman Gelora dan Pasar Besar Kuantan.

"Kucing sakit akan dibawa balik untuk dirawat, bagi yang mengalami kecederaan serius serta menghidap pelbagai penyakit kronik akan dihantar ke klinik veterinar.

"Saya memiliki seekor kucing jalanan buta yang diambil di celah lorong. Untuk menyelamatkan nyawanya kucing terbabit kini ditempatkan di bawah premis penjagaan," katanya.